Tarikh Iklan: **2 Februari 2023**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera (Jawatan Pentadbiran) yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Tetap** di **Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, Kampus Segamat.**

**A. JAWATAN PENTADBIRAN**

| BIL | JAWATAN | GRED | SKIM PERKHIDMATAN | JADUAL GAJI | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | MINIMUM | MAKSIMUM |
| **KUMPULAN PELAKSANA** | | | | | |
| 4. | PEMBANTU AWAM | H11 | Pembantu Awam | RM 1,218.00 | RM 2,939.00 |

**JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PELAKSANA)**

**Pembantu Awam (H11) - 1 Kekosongan (Kampus Segamat)**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00).

(Syarat Tambahan: Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia).

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,264.15).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Pemohon-pemohon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

2. Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun **mestilah melalui Ketua Jabatan** dan hendaklah disertakan dengan **salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini**.

3. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan bersama **salinan** dokumen berikut yang telah **disahkan**:
   - **Kad Pengenalan**
   - **Sijil SRP/PMR, SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf**
   - **Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, Ph.D (Skrol dan Transkrip Akademik/Terperinci)**
   - **Surat Pengesahan Perkhidmatan daripada majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja/penetapan gaji**
   - **Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat)**

4. **Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari Jabatan Kerajaan/Badan Berkanun/separa kerajaan yang tidak melalui majikan tidak akan diproses.**

5. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.

6. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan **selepas enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah **dianggap tidak berjaya**.

7. Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di UiTM Cawangan Johor.

**PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA (BORANG PERJAWATAN UiTM 76/13 9 (III) Pindaan 7/2003) yang boleh didapati sendiri di Pejabat Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Segamat atau boleh juga diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Johor di https://johor.uitm.edu.my/

Tarikh tutup permohonan adalah pada **15 FEBRUARI 2023**
Sila kemukakan permohonan kepada:

**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN**
**BAHAGIAN PENTADBIRAN**
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN JOHOR**
**KAMPUS SEGAMAT**
**JALAN UNIVERSITI OFF KM. 12 JALAN MUAR**
**85000 SEGAMAT**
**JOHOR DARUL TA'ZIM**

**No Tel : +(607)-935 2339 / 2273 / 2020**